

01 OCT 2003

Parlimen-Kecoh

DEWAN RAKYAT DITANGGUH 15 MINIT KERANA KECOH

KUALA LUMPUR, 1 Okt (Bernama) -- Persidangan Dewan Rakyat hari ini terpaksa ditangguhkan selama 15 minit mulai 12.15 tengah hari tadi setelah berlaku kekecohan berpunca daripada isu solat.

Ia berlaku apabila Timbalan Menteri Penerangan Datuk Zainuddin Maidin, yang mengguling perbincangan Bajet 2004 bagi Kementerian Penerangan, enggan memberikan laluan kepada beberapa anggota pembangkang yang mahukan penjelasan tentang isu qada sembahyang.

Keadaan menjadi semakin hangat apabila kebanyakan anggota pembangkang, rata-ratanya wakil PAS tidak berpuas hati dengan kenyataan Zainuddin bahawa ada pihak-pihak tertentu yang mencemarkan negara dengan menampilkan Islam dengan cara jumud dan kolot.

Beberapa anggota PAS yang merasakan tuduhan Zainuddin itu ditujukan kepada mereka terus bangun dan mendesak untuk diberi laluan dan enggan duduk walaupun diminta oleh Speaker, Tun Dr Mohamed Zahir Ismail.

Ekoran dari itu, Mohamed Zahir terpaksa menangguhkan dewan selama 15 minit untuk menenangkan keadaan.

Dewan kemudiannya bersidang semula pada 12.30 tengah hari, dengan Zainuddin diminta meneruskan penggulangannya.

Namun, selepas lima minit, Datuk Dr Hassan Mohd Ali (PAS-Parit Buntar) bangun mencelah meminta Zainuddin menarik balik perkataan jumud dan kolot yang diucapkan sebelum itu.

Zainuddin mempertahankan kata-katanya itu dengan menjelaskan bahawa beliau tidak menunjukannya kepada sesiapa secara khusus.

Mahfuz Omar (PAS-Pokok Sena) kemudian bangun dan meminta Yang Dipertua Dewan Rakyat untuk bantu membuat keputusan kerana ia melibatkan maruah dewan.

Setelah diminta oleh Mohamed Zahir, timbalan menteri itu kemudiannya bersetuju menarik balik kata-katanya.

Ekoran pembentangan Bajet 2004 pada 12 Sept lepas oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang mengambil masa selama tiga jam mulai 4 petang, pihak pembangkang menjadikannya sebagai isu dengan berkata tidak ada waktu rehat diperuntukkan untuk menghormati waktu sembahyang asar.

-- BERNAMA

NN NN MAI